

24/05/2003

BN gugur wakil rakyat abai tanggungjawab: Dr Mahathir

Norbakti Alias; Tuan Nazuri Tuan Ismail

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Barisan Nasional (BN) akan menggugurkan wakil rakyatnya yang tidak melaksanakan tanggungjawab, seperti tidak menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

Perdana Menteri berkata, wakil rakyat itu mengabaikan tanggungjawab selepas menang dan tidak akan dipilih lagi pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, wakil rakyat itu hanya bekerja kuat sebelum dipilih, malah sanggup bekerja kuat supaya terpilih menjadi calon tetapi selepas memenangi pilihan raya mereka tidak melaksanakan tanggungjawab itu.

"Saya dukacita di Parlimen kerana banyak kerusi kosong sehingga ada kalanya tidak cukup korum.

"Rakyat pastinya kecewa kerana wakil rakyat yang dipilih mereka tidak ada di Parlimen. Namun, bila dekat pilihan raya mereka akan kerja kuat, bukan untuk menjalankan tugas tetapi nak tentukan mereka terus menjadi calon.

"Mereka yang dipilih tapi tidak membuat kerja tidak perlu lagi diberi peluang kerana kita pilih mereka untuk jadi Yang Berhormat untuk jalankan

kerja yang bukannya berat," katanya yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu ketika merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian berkenaan di sini, semalam.

Mesyuarat yang kali pertama diadakan di Dewan Wawasan di sini adalah yang terakhir bagi Dr Mahathir sebelum bersara pada Oktober ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Setiausaha Agung Umno,

Tan Sri Khalil Yaakob, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dalam ucapan selama 80 minit itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, wakil rakyat seperti itu hanya mementingkan diri sendiri dengan bersikap 'apa aku dapat' dan sanggup mengetepikan perjuangan parti sehingga parti menjadi lemah dan dibenci rakyat.

Dr Mahathir juga mengingatkan semua ahli Umno supaya mengetepikan kepentingan peribadi bagi menyelamatkan parti itu.

Beliau berkata, sikap mementingkan diri sendiri serta perebutan jawatan

di kalangan ahli boleh menyebabkan keyakinan orang ramai khususnya di kalangan orang Melayu terhadap parti itu terhakis, sekali gus memindahkan

sokongan kepada Pas.

Katanya, pemimpin dan ahli Umno perlu berkorban dan mengutamakan perjuangan bangsa, agama dan negara bagi memastikan parti itu tidak menghadapi masalah pada pilihan raya nanti dan terus kukuh menerajui kerajaan.

"Walaupun seseorang itu tidak dicalonkan, sokongan kita perlu diberikan

kepada sesiapa saja yang menjadi calon.

"Namun, ada yang kalah (tidak dicalonkan) merajuk dan tak mahu hadir

dalam mesyuarat kerana kecewa, sedangkan mereka mahu orang lain menyokongnya apabila dipilih.

"Mereka ini mahukan sesuatu tanpa mempedulikan kesannya kepada parti, sehingga sanggup mengguna wang dan menghasut serta melempar fitnah," katanya.

Oleh itu, katanya, ahli Umno perlu membersihkan diri dan meletakkan semangat perjuangan di landasan yang betul.

"Kegagalan berbuat demikian mungkin menyebabkan Pas akan menang bukan kerana mereka cekap, pandai atau baik tetapi Pas menang kerana ahli Umno yang mengalahkan diri sendiri," katanya.

Perdana Menteri mengakui perkara itu sedang berlaku dalam Umno dan memberi amaran bahawa rakyat tidak suka melihat perebutan jawatan seperti itu.

Sementara itu, 33 veteran Umno menerima pingat Jasamu Dikenang daripada

Perdana Menteri sebagai menghargai jasa mereka kepada Umno bahagian Kubang Pasu.

Perdana Menteri turut menerima sumbangan zakat perniagaan RM30,000 dari Amanah Raya Berhad untuk diagihkan kepada mereka yang layak di Parlimen Kubang Pasu.